



MUSBAH (kanan) menunjukkan bakatnya bermain sepak manggis, diperhatikan oleh Hajiji, Japlin dan Idris.



DARI kiri, berdiri Japlin, Hajiji, Musbah dan Idris menyaksikan perkahwinan olok-olok suku kaum Bajau Sama.



RUBISA AF7 mempersembahkan lagu Bajau Sama.

PBSS pelihara budaya, bahasa dan adat resam Bajau Sama

KOTA BELUD: Persatuan Bajau Sama Sabah (PBSS) ditubuhkan semata-mata untuk memelihara budaya, bahasa dan adat-resam suku kaum Bajau Sama se-lain menyatupadukan kaum itu.

Demikian menurut Presiden PBSS, Datuk Seri Hajji Hajiji Haji Noor ketika beliau merasmikan PBSS Cawangan Daerah Kota Belud di Kg Taun Gusi di sini, kelmanarin.

Hajiji menerangkan bahawa tidak timbul soal saing-menying di antara PBSS dengan pertubuhan lain yang mempunyai matlamat yang sama seperti USBO dan PSS.

"Kita akui Datuk Seri Salleh Said, Tan Sri Pandikar Amin dan Datuk Abdullah Sibil sebagai pemimpin masyarakat tempatan khususnya di Kota Belud."

"Bahkan kita selalu saling berbincang bagaimana hendak meraikan martabat atau status suku kaum Bajau Sama mahupun Iranun. Tiada masalah," tambahnya.

Hajiji yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menjelaskan bahawa tujuan utama PBSS adalah semata-mata supaya budaya, bahasa dan adat-resam suku kaum Bajau Sama tidak dilentur zaman terutama sekali dikalangan muda-mudi.

"Misalnya, kita mahu supaya belia dan beliawanis kita pandai bercakap bahasa Bajau Sama, pandai main Befitik, pandai menari Berunsai, pandai masak Penjaram, pandai bermain Sepak Manggis dan sebagainya supaya kaum ini duduk bersama rendah dan berdiri bersama tinggi dengan suku kaum lain. Itu sahaja," jelas beliau.

Sementara itu, Hajiji menyifatkan Kota Belud sebagai ibu kota suku kaum Bajau Sama.

"Kota Belud adalah 'power house' Bajau Sama sama seperti Penampang adalah 'heartland' suku kaum Kadazan."

"Segala-galanya mengenai Bajau Sama berpusat di Kota Belud baik dari segi bahasa, budaya dan sebagainya."

"Kota Belud adalah Bajau Sama dan Bajau Sama adalah Kota Belud," katanya. sambil mengambil kira bahawa juga terdapat kaum-kaum lain di Daerah itu seperti Kadazandusun.

Beliau menambah bahawa Kota Belud juga sinonim dengan penunggang-penunggang kuda yang terkenal sebagai "Bajau Horsemen" atau "Cowboys of the East".

"Bahkan, Bajau Horsemen Kota Belud ini begitu terkenal sehingga pernah dijemput ke Kuala Lumpur untuk mengambil

bahagian dalam perbarisan semasa sambutan atau perayaan besar seperti Hari Kebangsaan dan sebagainya," tambah beliau.

Sebelum itu, Hajiji diiringi Timbalan Presiden PBSS, Datuk Musbah Jamli tiba di tapak perasmian dengan menaiki kereta Usungan yang didahului oleh beberapa orang penunggang kuda.

Turut mengiringi Hajiji ialah Naib Presiden PBSS, Datuk Japlin Akim dan Penggerusi PBSS Kota Belud, Idris Nanti.

Hadir menyaksikan perasmian itu ialah wakil-wakil dari persatuan etnik Kota Belud yang lain seperti Presiden PERISA, Datuk Almudin Kaidah; Presiden USTO, James Bagah dan Setiausaha Agung PSS, Ismail Yusuf.

Turut hadir ialah Setiausaha Agung PBSS, Kassim Razali serta beberapa orang penggerusi cawangan PBSS dari seluruh Sabah.

Mereka terdiri dari Hj Noorzain Tawi (Tuaran), Matrudin Radin (Kuala Penyu), Jasni Eser (Pulau Banggi), Aftar Nurajat (Tawau), Hj Muhammad Tasan (Pitas), Datu Ariffin Datu Ibrahim (Kudat), Hj Raisin Gagah (Tenghilan), Hj Awang Dul-lah (Tamparuli), dan Dato' Hussein Oyon (Kota Marudu).



HAJJI, Musbah, Japlin dan Idris menyaksikan permainan Suki, iaitu 'Chess' ala Bajau Sama.



HAJJI memeriksa hasil pembuatan Keris yang juga salah satu perusahaan domestik Bajau Sama Kota Belud. *



HAJJI menyaksikan pembikinan kuih Penjaram, iaitu makanan tradisi yang sinonim dengan Bajau Sama.



CENDERAHATI disampaikan kepada Hajiji oleh Musbah, disaksikan oleh Japlin dan Idris.



PARA peserta Ratu Serimpak. Siapa kata gadis Bajau Sama tidak menawan?



DI ANTARA penggerusi-pengerusi PBSS yang hadir di perasmian PBSS Kota Belud.



HAJJI diiringi Musbah tiba di Taun Gusi dalam Usungan yang didahului oleh penunggang-penunggang kuda atau Bajau Horsemen. *